

## KAD KREDIT HONG LEONG “PROGRAM PELARASAN HAD KAD KREDIT”

### Tempoh Program

1. Program Hong Leong Bank (“HLB”) “Pelarasan Had Kad Kredit” (“Program”) bermula pada 29 Januari 2019 dan berakhir pada 21 Februari 2019, kedua-dua tarikh termasuk (“Tempoh Program”), kecuali dinyatakan sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

**Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Program (“T&C”):**

### Kelayakan

2. Program ini terbuka kepada Pemegang Utama Kad Kredit HLB individu terpilih yang menerima jemputan untuk menyertai Program ini melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) sepanjang Tempoh Program (“Pemegang Kad Terpilih”).
3. Untuk mengelakkan keraguan, pemegang kad yang tidak menerima SMS dianggap tidak layak untuk Program ini dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemegang kad, walau apa jua sebab, tidak menerima SMS.
4. Penyedia perkhidmatan SMS yang dilantik oleh HLB untuk Program ini adalah M3 Technologies (Asia) Berhad (“M3 Tech”).

### Tata Cara Program

5. Had kredit semua kad kredit yang dipegang oleh Pemegang Kad Terpilih akan diselaraskan kepada had sama seperti Had Kredit Gabungan Pemegang Kad Terpilih sebelum 1 Mac 2019, di mana “Had Kredit Gabungan” bermaksud jumlah had kredit yang sama dan dikongsi oleh semua kad kredit yang dikeluarkan kepada setiap Pemegang Kad Terpilih untuk segala penggunaan semua kad kredit yang dipegang oleh Pemegang Kad Terpilih, tanpa mengira had kredit sedia ada untuk setiap kad.
6. Di mana Pemegang Kad Terpilih dikeluarkan dengan kedua-dua kad MasterCard dan Visa dan/atau di mana kad(-kad) tambahan dikeluarkan, Had Kredit Gabungan membentuk had kredit yang sama dan dikongsi oleh semua kad yang disebutkan di atas dan pembelian atau urusan agregat di bawah semua kad tersebut tidak boleh pada bila-bila masa melebihi Had Kredit Gabungan.
7. Had kad tambahan yang berkongsi 100% had Pemegang Kad Terpilih juga akan diselaraskan kepada had sama seperti Had Kredit Gabungan Pemegang Kad Terpilih. Bagi kad tambahan yang diperuntukkan had lebih rendah, had kad akan kekal tidak berubah.
8. Had kad (untuk kad utama dan tambahan (di mana berkenaan)) akan diselaraskan jikalau akaun kad kredit Pemegang Kad Terpilih berada dalam keadaan yang baik iaitu tidak tertunggak, terlebih had, palsu, dicuri/hilang atau ditamatkan/dibatalkan pada masa diselaraskan.
9. Pemegang Kad Terpilih boleh dikecualikan dari Program ini dengan membalas kepada SMS sebelum 21 Februari 2019, jika tidak, had kad Pemegang Kad Terpilih akan diselaraskan secara automatik.
10. Pemegang Kad Terpilih akan bertanggungjawab untuk caj SMS yang dikenakan seperti yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi masing-masing untuk setiap SMS yang dihantar di bawah Program ini.

### Am

11. Dengan menyertai Program ini, Pemegang Kad Terpilih:
  - a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&C Program;
  - b) bersetuju bahawa keputusan HLB ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Program ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Kad Terpilih dan sebarang suratmenyurat

dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan;

- c) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di "www.hlb.com.my" ("Laman Web HLB ") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&C bagi mendapat maklumat terkini mengenai perubahan atau pindaan kepada T&C; dan
- d) membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada M3 Tech sebagaimana yang dianggap sesuai oleh HLB untuk tujuan Program ini.

12. HLB berhak untuk:

- a) membatalkan mana-mana Pemegang Kad Terpilih untuk apa-apa jua sebab menurut budi bicara mutlak HLB yang dianggap wajar daripada menyertai Program; dan
- b) menambah, menolak, menggantung atau mengubah T&C yang terkandung di sini, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya atau untuk menggantung atau menamatkan Program ini atas budi bicara mutlak HLB dengan cara mempamerkannya di laman web, atau dalam apa cara sekalipun yang dianggap praktikal, untuk memberi notis kepada Pemegang Kad Terpilih apa-apa penambahan, pemotongan atau pindaan T&C tersebut atau penggantungan atau penamatan Program ini.

13. T&C ini hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian dengan Perjanjian Pemegang Kad, yang mengawal peruntukan kemudahan kad kredit oleh HLB kepada Pemegang Kad Terpilih. Sekiranya terdapat percanggahan di mana-mana T&C dan Perjanjian Pemegang Kad, T&C yang terkandung di sini akan diguna pakai setakat ketidakseragaman tersebut.

14. T&C yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Terpilih bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

15. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.